

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA****PEJABAT DAERAH DAN TANAH JELEBU
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) & mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputra (STB) yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) dalam gred/kelas dan kategori/pengkhususan/jenis pendaftaran/kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi menyertai sebutharga kerja yang berikut:

NO. SEBUTHARGA	PERKARA	GRED/ KATEGORI/ KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
PDJ. 08/2023	PENYELENGGARAAN JALAN DI MPKK TEMBUN BINJAI(FASA 2) SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 CE01 DAN CE21 (Jelebu)	RM 50.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	Tarikh: 20/06/2023 (SELASA) Masa Pendaftaran: 9.00 pagi hingga 10.00 pagi Taklimat : 10.00 pagi	Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang Negeri Sembilan Tarikh : 20 JUN 2023 (Selasa) hingga 26 JUN 2023 (Isnin) Masa : (Isnin – Khamis) 8.30 Pagi – 3.00 Petang (Jumaat) 8.30 Pagi – 12.00 Tengah Hari	26 JUN 2023 (Isnin) Sebelum atau pada Jam 12.00 tengah hari di Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang Negeri Sembilan
PDJ. 09/2023	PENYELENGGARAAN JALAN DI MPKK AMAR PENGHULU SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 CE01 DAN CE21 (Jelebu)	RM 50.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	Semua kontraktor DIWAJIBKAN untuk mendengar taklimat sebutharga dan menghadiri lawatan tapak		
PDJ. 10/2023	PENYELENGGARAAN JALAN DI MPKK ULU KLAWANG SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 CE01 DAN CE21 (Jelebu)	RM 50.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	Tempat: Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu, Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang, Negeri Sembilan		

2. Untuk maksud ini kontraktor yang berminat untuk memperolehi borang sebut harga hendaklah membawa bersama Cop Syarikat dan **SALINAN ASAL** item yang berikut :
- i. Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - ii. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB) , Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU
 - iii. Surat Kelulusan Berdaftar Nombor Kod Majikan PERKESO
 - iv. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkaitan)
 - v. Sijil/Surat Pendaftaran Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan (SST) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar)
 - vi. Kad Pengenalan
3. Hanya **penama** berdaftar dalam Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB), dan Kad Pengenalan perlu disemak semasa taklimat dan lawatan tapak. **Wakil adalah tidak dibenarkan dan surat wakil tidak akan diterima sama sekali. Kegagalan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak akan menyebabkan tawaran sebutharga tidak akan dipertimbangkan.**
4. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis No.Sebut Harga di bahagian atas sebelah kiri dan dimasukkan dalam Peti Sebut Harga dalam alamat di atas. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
5. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
6. Adalah diingatkan bahawa kegagalan tuan/puan bagi mematuhi arahan-arahan tersebut boleh menyebabkan pertimbangan terhadap sebutharga tuan akan terjejas.
7. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan dengan pejabat ini di talian **06-6136311** pada waktu pejabat dari **pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang.**



(NURUL HUDA BINTI MUSA)

Ketua Penolong Pegawai Daerah Jelebu
Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu

Tarikh: 13/06/2023